

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

## KKM disaran teliti semula prosedur perubatan mangsa rogol

**Kuching:** Kementerian Kesihatan (KKM) disaran meneliti semula prosedur pemeriksaan perubatan bagi mangsa rogol.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata berdasarkan prosedur sedia ada, mangsa rogol perlu membuat laporan polis terlebih dahulu sebelum pemeriksaan perubatan dijalankan.

Katanya, prosedur itu perlu diteliti semula kerana ada mangsa yang trauma dan takut membuat laporan polis.

"Saya bukan mahu mencampuri urusan kementerian lain, tetapi sekadar menyarankan penambahbaikan dibuat dengan prosedur itu diteliti semula bagi memudahkan mangsa.

"Mangsa rogol yang trauma akan meminta pemeriksaan perubatan, tetapi dia tidak mahu membuat laporan polis terlebih dahulu sebab mungkin belum bersedia mendedahkannya kepada polis kerana malu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sebelum pelepasan peserta 'Sepeda Amal Borneo 2023' yang akan berbasikal sejauh 700 kilometer dari Kuching ke Bintulu di sini, semalam.

Oleh kerana laporan polis boleh dibuat dalam tempoh 72 jam, Nancy meminta KKM meneliti mangsa diberi pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu.

"Terpulanglah kepada mangsa, sama ada ingin membuat laporan polis selepas pemeriksaan atau tidak," katanya.

Mengulas aduan seorang wanita yang tular di media pada 6 Julai lalu dan mendakwa dinafikan pemeriksaan perubatan Pusat Sehati Krisis (OSCC) di sebuah hospital kerajaan di sini kerana tidak membuat laporan polis terlebih dahulu, Nancy berkata, ia berlaku akibat salah faham.

Katanya, wanita itu tidak faham apabila diminta membuat laporan polis kerana mengangap perlu ke balai yang agak jauh dari hospital terbabit.

"Pondok polis terletak bersebelahan dengan Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berkenaan dan wanita yang mendakwa menjadi mangsa rogol itu mungkin tidak tahu," katanya.

Sebelum ini, Pengarah Kesihatan Sarawak, Dr Ooi Choo Huck dalam satu kenyataan mengesahkan kejadian berlaku kira-kira jam 10.30 malam, 5 Julai lalu.

Katanya, pegawai perubatan bertugas sudah membuat pemeriksaan meliputi pengambilan sejarah kejadian dan pemeriksaan tanda vital.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

## Nasional

Isnin, 17 Julai 2023

Kes kematian Dea Maisarah

# KKM tunggu laporan polis

Semua pihak  
perlu bertenang,  
punca kejadian  
masih disiasat

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Sungai Petani:** Kementerian Kesihatan (KKM) masih menunggu laporan polis berhubung kematian seorang kanak-kanak perempuan 10 tahun yang didakwa akibat kecuaihan pihak Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Klang, Selangor baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sementara menunggu laporan polis, semua pihak perlu bertenang dan siasatan sedang dilakukan bagi mengetahui punca kejadian.

Beliau berkata, pihak juga perlu mendapatkan maklumat terperinci sebelum dapat mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Saya tak nak cakap lebih-lebih kerana kes itu sudah menjadi kes polis sebelum tindakan dilakukan," katanya pada sidang media Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, Taman Ria Jaya, semalam.



Dr Zaliha menyempurnakan pelepasan Mobilisasi Jururawat selepas merasmikan Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, Taman Ria Jaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Taman Ria Jaya, di sini semalam.

### Dengar perkara sebenar

Dalam pada itu, Dr Zaliha menasihatkan semua pihak mendengar perkara sebenar daripada pihak yang terbabit contohnya Pengarah Kesihatan Negeri dan

sebagainya sebelum menularkan di media sosial

"Saya minta masyarakat lebih berhati-hati dan mendapatkan sumber yang betul serta jangan menyebarkan perkara tidak bialk terutama di media sosial," katanya.

Media sebelum ini melaporkan

kematian Dea Maisarah Bada ketika mendapatkan rawatan di HTAR.

Dalam rakaman video di TikTok @catloverscatlovers, Bada Hussein, menjelaskan kronologi mengenai apa yang berlaku ke atas anaknya yang berusia 10 tahun pada hari kejadian.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

SUSULAN KEMATIAN BUDAK 10 TAHUN DIDAKWA AKIBAT KECUALIAN HOSPITAL

# Tunggu laporan penuh polis

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap semua pihak terbabit berhubung kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun yang didakwa akibat kecuaian pihak hospital di Selangor, baru-baru ini berenang sementara polis melengkapi siasatan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada polis dan berharap semua pihak bertenang dan siasatan sedang dilakukan untuk mengetahui punca kejadian berlaku.

BADA menjelaskan kronologi mengenai apa yang berlaku ke atas anaknya di media sosial.



**Saya minta masyarakat hati-hati dan mendapatkan sumber betul serta jangan sebar perkara tidak baik terutama di media sosial"**

Dr Zaliha

Beliau berkata, pihak juga perlu mendapatkan maklumat terperinci daripada semua pihak terbabit sebelum mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Saya tak nak cakap lebih kerana kes itu menjadi kes polis sebelum tindakan di-

lakukan," katanya pada Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, semalam.

Dr Zaliha menasihatkan semua pihak mendengar perkara sebenar daripada pi-

hak yang terbabit contohnya Pengarah Kesihatan Negeri dan sebagainya sebelum menularkan di media sosial

"Saya minta masyarakat lebih berhati-hati dan mendapatkan sumber yang betul serta jangan menyebarkan perkara tidak baik terutama di media sosial," katanya.

Media sebelum ini melaporkan kematian seorang kanak-kanak perempuan, Dea Maisarah Bada, 10, ketika mendapatkan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang, Selangor, baru-baru ini.

Dalam rakaman video di TikTok @catloverscatlovers, Bada Hussein menjelaskan kronologi mengenai apa yang berlaku ke atas anaknya yang berusia 10 tahun pada hari kejadian.



DR Zaliha (atas tengah) bersama sebahagian jururawat pada Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, Sungai Petani.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : LOKAL

**Kuala Lumpur:** Lokaliti Kondominium Desa Putra di sini, mencatatkan sebanyak 25 kes demam denggi yang memasuki hari ke-74 wabak berkenaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dalam kenyataannya semalam, memaklumkan terdapat 10 tempat pembiakan ditemui di kawasan terbabit.

"Unit Kawalan Vektor (UKV), Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) menjalankan aktiviti pemantauan wabak *hotspot* denggi dikenali sebagai Dengue Control And Surveillance (DCAS) bersama dengan

## 25 kes demam denggi dilaporkan di Kondominium Desa Putra

Pejabat Kesihatan Parlimen di Kuala Lumpur pada 14 Julai lalu.

"Tujuan aktiviti ini untuk menyelesaikan kes demam denggi yang berpanjangan.

"Hasil aktiviti itu mendapati lokaliti kondominium mencatatkan 25 kes demam denggi yang memasuki hari ke-74 wabak dengan 10 tempat pembiakan dijumpai di kawasan itu," katanya.

Menurutnya, antara tem-

pat pembiakan ditemui seperti di bahagian bawah kompresor penyaman udara, di pelapik pinggan mangkuk, di kolam ikan yang tidak digunakan dan juga di bahagian penapis kolam.

"Selain itu, lokasi lain turut menyumbang kepada kenaikan kes demam denggi di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Sri Rampai yang terdapat pembiakan di

penghadang jalan, longkang dan di dalam pam tandas orang kurang upaya (OKU).

"Tapak binaan diperiksa dan sudah ditutup sebelum ini berikutan penemuan pembiakan melampau di kawasan itu," katanya.

Menurutnya, aktiviti serupa itu akan diteruskan di kawasan lain dari semasa ke semasa untuk memastikan wabak denggi dapat dicegah.



UNIT Kawalan Vektor (UKV), JKAS DBKL menjalankan pemeriksaan di lokasi panas denggi di sekitar Kuala Lumpur.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : MINDA

**minda**

**KESAN KENAIKAN KOS SARA HIDUP KEPADA KESIHATAN**

## Penjagaan gigi terabai?



Bersama  
**Dr Nor Azlida  
Mohd Nor**

**Dr Ainol Haniza  
Kherul Anwar**



Menangguh  
atau  
mengabaikan  
penjagaan  
pergigian  
kerana beban  
kewangan akan  
mengorbankan  
kesihatan  
pergigian dan  
seterusnya  
menjejaskan  
kualiti  
kehidupan

kenaikan kos sara hidup menjadi isu yang semakin meruncing dan memberi kesan kepada rakyat Malaysia. Malah, kenaikan harga barangan keperluan asas seperti makanan, perumahan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan menyebabkan beban kewangan besar terhadap individu dan keluarga.

Dalam konteks penjagaan kesihatan, antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah penjagaan kesihatan pergigian. Kajian saintifik menunjukkan kesihatan pergigian sering diabaikan apabila keluarga menghadapi tekanan kewangan kerana perlu mengutamakan keperluan asas yang lain.

Kajian di Malaysia juga menunjukkan faktor sosio ekonomi seperti pendapatan dan status sosial memainkan peranan penting dalam akses dan penggunaan perkhidmatan kesihatan pergigian. Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) menunjukkan hanya 23 peratus individu yang berdepan masalah pergigian menggunakan perkhidmatan pergigian. Kajian ini juga menunjukkan kebergantungan penduduk yang tinggi (80.7 peratus) terhadap perkhidmatan kesihatan pergigian awam, manakala perkhidmatan swasta kebanyakannya diakses oleh penduduk bandar.

Hakikatnya, dalam kalangan mereka yang menggunakan perkhidmatan ini, hampir dua daripada lima individu membayar kos rawatan pergigian dengan duit sendiri. Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan akses dan kemampuan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan pergigian.

Malah, kenaikan kos rawatan pergigian yang melambung tinggi memburukkan lagi beban kewangan yang lama dirasakan. Ia menjadi satu cabaran serius, di mana akses kepada rawatan pergigian menjadi terhalang, terutama di sektor swasta. Keadaan ini khususnya dirasakan oleh masyarakat tempatan, terutama golongan B40 dan M40, yang semakin sukar untuk mendapatkan rawatan pergigian asas yang diperlukan.

Akibatnya, ada individu terpaksa menanggung kesakitan, mengabaikan masalah pergigian, melewatkan rawatan, bahkan ada yang terjebak dengan rawatan pergigian daripada individu tidak bertaualiah.

Walaupun klinik kerajaan menyediakan rawatan pergigian bersubsidi dengan bayaran minimum, umum sedia maklum tempoh dan senarai menunggu di klinik kerajaan adalah lebih lama berbanding klinik swasta. Selain itu, akses ke klinik pergigian kerajaan dan swasta melibatkan kos tambahan, terutama kos pengangkutan. Rawatan kompleks seperti pembuatan gigi palsu dan rawatan akar memerlukan beberapa lawatan ke klinik sebelum rawatan selesai.

Bukan itu sahaja, bagi penduduk di luar bandar atau terpencil, pengangkutan ke klinik boleh menjadi cabaran. Kos pengangkutan memberi tekanan tambahan kepada individu berpendapatan rendah yang ingin mendapatkan rawatan pergigian. Di kawasan bandar masyarakat juga menghadapi bebanan kos tambahan seperti bayaran tempat meletak kenderaan.

Faktor-faktor ini menyumbang kepada potensi kerugian produktiviti dan menghalang individu menerima rawatan pergigian sewaktu mereka perlukan pada harga berpatutan.

Bagi individu yang mempunyai keperluan khas atau kurang upaya, kanak-kanak mahupun golongan warga emas, kekangan akses untuk mendapatkan

rawatan pergigian melibatkan kos dan keperluan kehadiran penjaga. Mereka biasanya mempunyai kesulitan mobiliti atau memerlukan sokongan tambahan untuk hadir ke klinik pergigian. Kumpulan pesakit ini bergantung sepenuhnya kepada bantuan penjaga untuk mengiringi mereka dalam pemeriksaan dan rawatan pergigian. Bagaimanapun, sesetengah penjaga yang membawa mereka terpaksa mengambil cuti, dan ada di antara mereka bergantung kepada pendapatan harian untuk menara kehidupan. Ini sedikit sebanyak menghalang mereka daripada mendapatkan rawatan pergigian yang amat mereka perlukan, termasuk rawatan kecemasan dan rawatan asas.

Hasilnya, ramai individu terpaksa menangguh atau mengabaikan penjagaan pergigian yang diperlukan disebabkan beban kewangan tambahan ini, akhirnya mengorbankan kesihatan pergigian dan seterusnya menjejaskan kualiti kehidupan mereka.

Umum maklum, masalah kesihatan pergigian seperti gigi berlubang dan penyakit gusi boleh dicegah dengan amalan penjagaan kebersihan gigi yang baik. Namun, masih terdapat individu yang terjejas disebabkan ketidakmampuan mereka untuk membeli kelengkapan asas penjagaan kebersihan diri, termasuk berus gigi dan ubat gigi berfluorida. Malah ada keluarga yang masih berkongsi berus gigi dan menghadapi kesulitan

menggantikan berus gigi yang usang akibat tekanan kewangan. Ia memberi risiko jangkitan kuman dan penularan bakteria antara individu meningkat.

Malah, dalam konteks kebersihan mulut, rutin harian seperti memberus gigi dua kali sehari dengan ubat gigi berfluorida secara efektif sangat berkesan dalam pencegahan masalah pergigian. Namun, tanpa akses kepada alat pencegahan asas ini, individu yang kurang bernasib baik mempunyai risiko yang lebih tinggi dan memerlukan rawatan yang kompleks, malah akan menjadikan kos rawatan meningkat, justeru boleh memberi kesan negatif kepada kualiti kehidupan mereka.

Untuk menangani cabaran ini, tindakan perlu diambil untuk meringankan beban golongan terkesan. Usaha kolektif pelbagai pihak diperlukan untuk mencapai objektif ini. Inisiatif boleh dilaksanakan untuk menyediakan bantuan kelengkapan asas penjagaan gigi seperti berus gigi dan ubat gigi berfluorida secara berkala. Selain itu, bantuan kewangan perlu disediakan bagi membolehkan individu berpendapatan rendah mendapatkan rawatan pergigian. Pengeluaran cukai untuk rawatan pergigian atau memasukkan penjagaan pergigian dalam perlindungan insurans juga boleh mengurangkan tekanan kewangan.

**Penulis Pensyarah Fakulti  
Pergigian, Universiti Malaya**

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : NEGARA

## Kes kematian Dea Maisarah kini dalam siasatan polis

**SUNGAI PETANI** – Kementerian Kesihatan (KKM) meminta semua pihak bertenang dan menyerahkan siasatan kes kematian seorang kanak-kanak Dea Maisarah Baba, 10, di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang kepada pihak polis.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kematian kanak-kanak terbabit sedang disiasat.

"Sekarang ini saya tak nak cakap lebih-lebih kerana kes ini sudah jadi kes polis dan dalam siasatan, kita harap semua bertenang.

"Kita dapatkan dahulu laporan daripada polis dan apa tindakan seterusnya," katanya selepas Program Madani Afiat dan Sambutan Hari Malaria Sedunia di Padang EUPe, Taman Ria Jaya,

di sini semalam.

Berhubung kejadian itu yang tular di media sosial, Dr. Zaliha meminta masyarakat supaya lebih berhati-hati dengan dapatkan sumber maklumat sahih.

"Kita minta rakyat di luar sana lebih berhati-hati dan tidak sebar benda tidak baik kerana akan berikan sentimen negatif kepada keluarga terlibat, mahupun ke-

menterian sendiri," tambahnya.

Terdahulu, Pengarah HTAR, Dr. Zulkarnain Mohd. Rawi berkata, kanak-kanak itu hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital bersama bapanya pada 9 Julai lalu dalam keadaan lemah.

Pesakit terbabit sudah diberikan rawatan yang sewajarnya termasuk pakar perubatan kecemasan, namun tidak dapat

diselamatkan.

Susulan itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mengesahkan kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Kes kematian kanak-kanak itu tular termasuk dakwaan lewat diberi rawatan sehingga terpaksa menunggu lebih 40 minit dalam keadaan sesak nafas.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NASIONAL

Kisah kanak-kanak  
10 tahun yang  
didakwa meninggal  
dunia semasa  
dapatkan rawatan  
di sebuah hospital  
kerajaan di Klang  
tular

## KKM tunggu laporan siasatan kematian Dea Maisarah

SUNGAI PETANI

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menunggu laporan siasatan polis berhubung kes kematian kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun didakwa akibat kecuai di sebuah hospital kerajaan di Klang, Selangor baru-baru ini. Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata,

“

Cuma saya minta supaya rakyat di luar sana lebih berhati-hati dan mendapatkan sumber yang betul...jangan sebarkan perkara yang tidak baik kerana ia akan mewujudkan sentimen yang tidak baik.”

beliau juga perlu mendapatkan maklumat terperinci daripada semua pihak terlibat sebelum membuat penjelasan lanjut berhubung kejadian itu.

Sehubungan itu, katanya orang ramai diminta agar tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih dan tidak terpengaruh dengan isu yang tular di media sosial kerana belum tahu cerita sebenar.

“Cuma saya minta supaya rakyat di luar sana lebih berhati-hati dan mendapatkan sumber yang betul...jangan sebarkan perkara yang tidak baik kerana ia akan mewujudkan sentimen yang tidak baik,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Madani Afiat dan Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di sini pada Ahad.

Kisah Dea Maisarah Bada, 10, yang didakwa meninggal dunia semasa mendapatkan rawatan di sebuah hospital kerajaan di Klang tular di media sosial sehingga mencetuskan pelbagai persepsi orang ramai.

Pihak hospital juga didakwa membuat laporan palsu berhubung kematian kanak

-kanak itu dengan mengatakan mangsa sudah meninggal dunia ketika dihantar untuk mendapatkan rawatan.

Pada Sabtu, media melaporkan Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mengesahkan menerima dua laporan polis berhubung kejadian tersebut dan sudah memulakan siasatan mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-kanak 2001.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam ucapan perasmianya memaklumkan kes jangkitan malaria di negara ini terkawal.

“KKM telah berjaya mencapai sasaran Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan (PSEMK) 2011 hingga 2021 iaitu sifar kes malaria manusia jangkitan tempatan (indigenous) bermula 2018 dan berjaya mengekalkan pencapaian tersebut untuk lima tahun berturut-turut,” katanya.

Pada majlis sama, Dr Zaliha turut menyampaikan Anugerah Tokoh Malaria 2023 kepada Pengasas Program Segitiga Malaria di Semenanjung Malaysia yang juga bekas Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Pius Premaraj. - *Bernama*



DR  
ZALIHA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Serah kes Dea Maisarah kepada polis – Dr. Zaliha

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediamula.com.my

**SUNGAI PETANI:** Kematian kanak-kanak 10 tahun, Dea Maisarah Baba kini menjadi kes polis dan semua pihak wajar memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk melengkapkan siasatan.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa, berkata, beliau tidak boleh mengulas lebih lanjut berkaitan kematian kanak-kanak terbabit di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang di Selangor.

"Sekarang ini saya tidak ma-

hu cakap lebih-lebih kerana kes ini sudah jadi kes polis dan dalam siasatan, kita harap semua bertenang. Kita dapatkan dahulu laporan daripada polis dan apa tindakan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Program Madani Afiat dan Sambutan Hari Malaria Sedunia peringkat negeri Kedah di Padang EUPE, Taman Ria Jaya, di sini.

Berhubung kejadian itu yang ditularkan di media sosial, Dr. Zaliha meminta orang ramai su-

paya lebih berhati-hati dengan mendapatkan sumber maklumat yang sahih.

"Susah sebenarnya kita hendak halang sebab media sosial itu menjadi tempat apa-apa maklumat yang betul atau tidak betul disebar."

"Jadi kita minta rakyat di luar sana lebih berhati-hati dengan mendapatkan sumber yang betul serta tidak sebar benda tidak baik kerana akan berikan sentimen tidak baik mungkin kepada keluarga terlibat, mahupun Kementerian sendiri," katanya.



**DR. ZALIHA** Mustafa (belakang, tiga dari kiri) bersama jururawat yang menghadiri Program Madani Afiat dan Sambutan Hari Malaria Sedunia peringkat negeri Kedah di Padang EUPE, Taman Ria Jaya, Sungai Petani, semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEWS / NATION

## Doctors disrupted

Nationwide relocation could have been done better

THE Health Ministry is in the news again. This time it is about relocation of doctors who have been given permanent positions. The doctors should be happy, but they aren't. Here is why. They aren't allowed to go where they want to. According to media reports, some 4,200 medical officers will be on the move nationwide. Of the number, more than 1,000 are said to want to stay where they are. The easy answer is for the Health Ministry and the Public Service Department (PSD) to say 'go where we ask you to go'. This is an approach that has lost the human touch. A 1950s idea in 21st century bureaucratic clothing? Surveys after surveys have pointed to doctors being mistreated, not just by their number, but the PSD and Health Ministry. In the latest, conducted by CodeBlue in January, 73 per cent of 1,652 gave a thumbs down to how they were being treated. Such negative reports must not be treated as the voices of a disgruntled few. To do so would invite danger for the public health service in the future. Little wonder the country's top doctors' association, the Malaysian Medical Association, reserved its harshest condemnation for the ministry and PSD, "negligence at the highest level", in its response to CodeBlue, a medical portal, on Thursday. The MMA confirmed the harsh phraseology condemning the ministry and PSD to a query by this Leader.

**In 2020, Parliament was told that Malaysia is blessed with one doctor for every 186 patients. This is an impressive ratio, but is it right?**

The MMA has solid grounds. First, the move, more a fiasco, causes great disruption. Medical officers have to up and go and settle in places unfamiliar as suddenly as they arrived there. Second — this is worse — the relocation will risk patients' lives at certain public hospitals. In the MMA's response to CodeBlue, it named three public hospitals where the risk may be the greatest: Melaka Hospital, Serdang Hospital and Miri Hospital. Yesterday, in response to this Leader's queries, MMA president Dr Muruga Raj Rajathurai said healthcare facilities in Kedah, Pahang and other states will also be affected. The question to ask is how these public hospitals — five at the very least — were omitted by the relocation exercise? These hospitals are not only not getting any medical officer, but are losing between 80 and 100 senior medical officers, a number that is staggering to say the least.

How long must our public health be put on red alert? Perhaps this is the right place to consider Malaysia's doctor-patient ratio. In 2020, Parliament was told that Malaysia is blessed with one doctor for every 186 patients. This is an impressive ratio, but is it right? If so, why would a relocation of 80 to 100 doctors threaten patients' lives? Just visit our public hospitals and clinics. Do the long queues reflect the reality of the ratio? We say no. There is something amiss here. The Health Ministry mustn't get us wrong. We are not saying it is not doing anything. It is. Of late, it has been on a fund-hunt mission. True, we need money to employ more doctors and build hospitals, but establishing a robust public health system is money and more. And it is the more that came under condemnation by the MMA. The Health Ministry and the PSD need to work on their management skills.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes • MONDAY, JULY 17, 2023

10 | NEWS / Nation

RECOMMENDATION TO HEALTH MINISTRY

## 'REVISE S.O.P. FOR RAPE VICTIMS'

Let them do hospital examination before lodging a report, says minister

### KUCHING

PROCEDURES related to hospital examinations of suspected rape victims need to be improved, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri yesterday.

She said taking into account the traumatic situation faced by rape victims, she hoped the Health Ministry would consider allowing victims to undergo an examination at the hospital without first lodging a report.

"Our recommendation is, since the report must be lodged and rape kit must be completed within 72 hours, can the victims do a medical examination first?

"Then we will leave it to the victims whether they want to lodge a report. We will also leave it to the Health Ministry to decide."

She said this at a press con-

ference for the "Sepeda Amal Borneo 2023" charity event here.

She said the current procedures for handling suspected rape cases required victims to lodge a report first before they were allowed to undergo further examination.

"When victims go to the counter (at the hospital), they will be referred to the police first.

Nancy said: "Then police will give permission for a medical examination to be conducted as they (police) require evidence for the case."

She was commenting on a report on July 8 about a person who was allegedly dissatisfied with

the handling of a case involving a rape victim, at a one-stop crisis centre in Sarawak.

Sarawak health director Dr Ooi Choo Huck, in a statement following the report, said the woman refused to lodge a report and did not give permission for further evaluation to be carried out despite being advised by a medical officer.

Dr Ooi, however, said after a discussion with an emergency physician, the woman was sent to the one-stop crisis centre, where the medical officer conducted a comprehensive examination, including on her vital signs.

Nancy said the matter was a miscommunication between the

victim and the hospital and it had been resolved.

She also hoped that such an incident would not recur.

On Sepeda Amal Borneo 2023, she said 20 cyclists took part in the charity event, which involved a 700km journey across Sarawak in six days.

The event was held to raise funds for the ROSE Foundation to eradicate cervical cancer, the third most common cancer among Malaysian women.

To mark the event, the foundation is offering free cervical screening to all women in more than 10 locations in the state, from Saturday to July 23. Bernama



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri flagging off participants in the 'Sepeda Amal Borneo' event in Kuching yesterday. PIC BY NADIM BOKHARI

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATION

# Get the procedure right

## Nancy: Allow rape victims to get medical exam first

**KUCHING:** Procedures related to hospital examinations for suspected rape victims need to be improved, says Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri (pic).

She said that, taking into account the traumatic situation faced by rape victims, she hoped the Health Ministry would consider granting permission for the victim to undergo an examination at the hospital without lodging a police report first.

"Our recommendation is that since the report and rape kit must be made within 72 hours, can the victim do a medical examination first?"

"Then we will leave it to the victim to decide whether to make a police report or not. We will leave it to the Health Ministry to decide

(on this suggestion)," she said at a press conference during the Sepeda Amal Borneo 2023, a charity programme, here yesterday, reported Bernama.

She said current procedures for handling cases of suspected rape victims state that a police report must be made first before the victim is allowed to undergo further examination.

"When the victim goes to the counter (at the hospital), they will be referred to the police first, and then the police give permission to conduct the medical examination because they (the police) require the evidence for the case," she said.



Nancy was commenting on a media report on July 8 about an individual who was allegedly dissatisfied with the services of the One Stop Crisis Centre (OSCC) in Sarawak in handling the case of a woman suspected of being raped recently.

Following that, Sarawak Health director Dr Ooi Choo Huck, in his statement, said the woman refused to lodge a police report and did not give permission for further evaluation to be carried out despite being advised by the medical officer on duty.

However, Dr Ooi said that after a discussion with an emergency physician on duty, the woman was sent to the OSCC, where the medical officer conducted a compre-

hensive examination.

Nancy said the matter was a miscommunication between the victim and the hospital, and it has been resolved. She also hoped such an incident would not recur.

Meanwhile, on Sepeda Amal Borneo 2023, the minister said a total of 20 participants took part in the charity event, which involved cycling for 700km across Sarawak in six days.

The programme is being held to raise funds for the ROSE Foundation to eradicate cervical cancer, which is the third most common cancer among Malaysian women.

Also, in conjunction with the event, the ROSE Foundation offers free cervical screening to all women in more than 10 locations throughout Sarawak until July 23.

## Let rape victims decide, says activist

By ARFA YUNUS  
arfayunus@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** A doctor's examination or lodging a police report – the choice should be left to rape victims to decide upon arriving at hospitals, says women's rights activist Meera Samanther.

Meera, who is also a committee member with the Association of Women Lawyers (AWL), said rape victims should be treated with compassion, and forcing them to writing a police report immediately after would emotionally affect them.

"The victims should be given options. They can either go for a medical check-up first or lodge a police report if they are ready for it.

"Do not make them go around searching. They are already in a vulnerable state after going through so much trauma. The services should come to them.

"The victims should get to decide what is the most important thing for them to do first upon arriving (at hospitals)," she said when contacted yesterday.

Earlier yesterday, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said procedures related to hospital examinations for suspected rape victims need to be improved by taking into account the traumatic situation they are facing.

Nancy was hopeful the Health Ministry would consider allowing victims to undergo a hospital examination without lodging a

police report first.

Currently, rape victims must first lodge a police report before a medical examination can be done.

Meera noted that while the presence of the One Stop Crisis Centre (OSCC) at all general hospitals nationwide is helpful for rape victims, more improvements are needed, including giving victims options when they first arrive at a hospital.

She said more OSCCs are needed at general hospitals and expanded to all hospitals.

"What's most important in rape cases is the evidence, and this can be obtained by the doctors examining the victims. So let the doctors do their tasks first.

"We must understand that it takes a lot of effort to make a single police report. Making it compulso-

ry for police reports to be lodged first before conducting hospital examinations won't help rape survivors."

When contacted, Bukit Aman Sexual, Women, and Children Crime Investigation Division (D11) principal assistant director Asst Comm Siti Kamsiah Hassan said the current procedure had helped many victims.

ACP Siti Kamsiah said the police would need a thorough report to ensure the next legal steps would ensure justice for victims.

"It is actually a lot easier now with the OSCC. We have police personnel, doctors, social workers and psychology experts all stationed there to help the victims," she said. Last year, 1,398 rape cases were reported nationwide, according to the police.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : VIEWS

## What you've heard about govt clinics might be wrong

I WAS initially hesitant to go to a government clinic because "everyone knows" wait times are very long and the quality of services can be dubious. But retiring this year made me reconsider as they are supposed to be cheaper.

I Googled my way to Hospital Shah Alam and walked in one day. After queuing for a short while, I was advised to go to the Klinik Kesihatan opposite for outpatient consultation. There I queued up to see the medical officer, and the clerk allowed me

to do so even though I should have booked an appointment first through the MySejahtera app. Since then, I have visited the clinic several times and would like to share the following observations:

- > The receptionists are always very helpful, even demonstrating how to use the MySejahtera app.

- > Nurses are very meticulous and friendly when they conduct blood pressure and sugar tests.

- > Doctors come across as well-versed and are willing to answer all my queries. A senior doctor

even gave me the address of a clinic closer to my house.

- > And the last time I visited, the attendant doctor was kind enough to arrange for me to come back to see a physiotherapist and do an X-ray examination the next day without a prior appointment.

- > Pharmacists have obligingly provided me with my medicines even after I missed the appointment date.

- > All consultations and medications were free.

- > Conveniently, the clinic can recommend specialist treatments in the hospital just across the road.

The good treatment I have received at this government clinic is beyond all my prior expectations. It's nothing like what I heard previously. Perhaps other general hospitals and clinics are just as good, you never know, so why not give them a try?

**CIVIC-MINDED**  
Shah Alam

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

theSUN ON MONDAY | JULY 17, 2023 5

NEWS WITHOUT BORDERS

## Investigation on death of girl at hospital ongoing

**SUNGAI PETANI:** The Health Ministry is awaiting an investigation report by police on the recent death of a 10-year-old girl, allegedly due to negligence, at a government hospital in Klang.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said detailed information from all parties involved needed to be

obtained before she could comment on the incident.

"I urge the public to be careful, get (information) from authentic sources and not spread negative sentiments," she said after officiating at the Madani Afiat event and the national level observation of World Malaria Day yesterday.

Netizens have expressed shock over news on Dea Maisarah Bada, who purportedly died while receiving treatment at the Tengku Ampuan Rahimah Hospital.

Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan was reported on Saturday to have confirmed receiving two reports, and that police had

started an investigation under Section 31 (1) (a) of the Child Act 2001.

At the event, Zaliha said in her opening speech that malaria cases nationwide were under control.

"The ministry has achieved the National Strategic Plan for the Elimination of Malaria (2011-2020) target, zero local (indigenous)

human malaria infections from 2018 onwards, and successfully maintaining this for five years."

She presented the Tokoh Malaria award to Malaria Triangle in Peninsular Malaysia programme founder Datuk Dr Pius Premaraj, who is also former Kelantan health director. - Bernama